



PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
NOTIS CABUTAN UNDI BIL 3/2019

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk **Cabutan Undi Bil 3/2019** bagi projek seperti berikut :

Senarai Projek Seperti Di Lampiran A

2. Sehubungan dengan itu, semua **Kontraktor Bumiputera Gred G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**), Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta telah **mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** di dalam Gred Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan serta berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat dibawah) untuk menghadiri sesi pengundian seperti ketetapan berikut:

TARIKH UNDIAN	: 10 Julai 2019
PENDAFTARAN	: 8.30 pagi – 9.30 pagi
WAKTU MULA UNDI	: 10.00 pagi
TEMPAT	: Bilik Mesyuarat Gerakan Perdana, PDTSPU

3. Hanya kontraktor yang mendaftar pada hari tersebut sahaja yang layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang dinyatakan diatas. **Wakil tidak dibenarkan mengundi.** Kontraktor yang telah berjaya cabutan undi bil. 1/2019 & 2/2019 tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi bil. 3/2019.

4. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi **dimestikan membawa Sijil Asal PKK, CIDB, Kad Pengenalan dan slip pendaftaran sistem e-perolehan yang masih sah** pada hari pendaftaran.

5. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa dan syarat yang ditetapkan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(MUHAMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD RIDOWAN)

Penolong Pegawai Daerah (P)

b.p. Pegawai Daerah, SPU

**SENARAI PROJEK BAGI CABUTAN UNDI BIL 3/2019
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**

BIL	KADUN	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
JALAN (PENGKHUSUSAN – CE01)			
1	Penaga	Kerja - kerja Menurap Semula Jalan Dan Kerja Berkaitan Di Kampung Guar Kepah, Kadun Penaga	19,970.00
2	Pmtg Berangan	Kerja Menurap Semula Jalan Di Kampung Pongsu Seribu, Kadun Permatang Berangan	6,080.00
3	Pmtg Berangan	Kerja Menurap Semula Jalan Di Kampung Pokok Sena Mk 12, Kadun Permatang Berangan	18,318.00
BANGUNAN (PENGKHUSUSAN – B04)			
4	Telok Air Tawar	Kerja Pembinaan Kantin Di Sekolah Rendah Agama Darul Hikmah Parlimen Tasek Gelugor	38,100.00
5	Pmtg Berangan	Kerja Baik Pulih Bumbung Pejabat Sekolah SAR Jarak Atas Parlimen Tasek Gelugor	33,000.00